



**MALAYSIAN ASSOCIATION OF
TOUR AND TRAVEL AGENTS**
The National Travel Association



Press Release

Tarikh : 20-22 Jun 2014

Masa : 10pagi – 9malam

Bertempat di Plaza Sunken Menara MBPJ, akan berlangsungnya 'travel fair' bersempena penganjuran "PJ International Folklore Festival 2014". Ianya adalah usaha bersama di antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan MATTA Selangor.

Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MATTA) Selangor diberi tanggungjawab untuk menjayakan karnival ini. Dengan mengekalkan objektif yang sama iaitu untuk mempromosi serta menjual pakej pelancongan, kali ini dengan penglibatan seramai 35 agensi pelancongan yang akan mengambil bahagian dalam mempromosikan pakej-pakej dari dalam dan luar Negara. Pengunjung bukan sahaja berpeluang menikmati pakej ke luar negara tetapi juga produk tempatan yang dijanjikan harga murah serta berpatutan.

Syarikat-syarikat pelancongan yang menawarkan pakej-pakej umrah juga turut sama di dalam acara ini, terutamanya bagi pakej Umrah bulan Disember akan mula dijual. Karnival ini turut melibatkan syarikat penerbangan (airlines) iaitu bagi penjualan tiket ke pelbagai destinasi yang menawarkan harga yang murah.

Cabutan bertuah bakal menanti pelanggan di Travel Fair. Hadiah hadiah seperti tiket penerbangan percuma, pakej-pakej Pelancongan serta pakej penginapan adalah antara yang menanti pembeli yang bertuah.